

Jumaat – 03 Januari 2020

Halaman : 33

Harian Metro | Jumaat 03.01.2020

A 33

**lokal**

PELAJAR Orang Asli terpaksa berjalan kaki untuk melepas jalan berlumpur dan berselut di Pos Simpor.

# Sampai bila macam ini?

*5,000 penduduk Orang Asli terputus hubungan laluan utama rosak, berlumpur*

## Gua Musang

**L**ebih 5,000 penduduk Orang Asli di beberapa pos di pedalaman daerah ini terputus hubungan apabila jalan balak yang menjadi laluan utama ke bandar ini rosak dan berlumpur berikutan musim tengkujuh ketika ini.

Sehubungan itu, mereka berharap pihak berwajib segera membaiki dan menaik taraf jalan terbabit yang

menghubungkan Pos Gob, Pos Simpor, Pos Belatim, Pos Balar, Pos Bihai dan Pos Tohoi.

Pengerusi Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli Pos Tohoi, Zainal Cali berkata, kerosakan jalan menghubungkan perkampungan Orang Asli di pedalaman tidak pernah selesai dan berlaku setiap kali hujan lebat dan musim tengkujuh.

Katanya, keadaan itu me-

nimbulkan masalah bukan sahaja kepada penduduk untuk ke bandar, tetapi ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah.

"Masalah paling ketara ketika ini apabila kenderaan pacuan empat roda yang disediakan untuk membawa pelajar Orang Asli ke sekolah berdepan bahaya kerana jalan licin dan berlumpur," katanya ketika ditemui di kampung itu di sini, semalam. - Bernama